

PEMBANGUNAN WAKAF TUNAI BERTEMPOH DALAM SEKTOR KOPERASI: SATU PENILAIAN SYARIAH DAN UDANG-UNDANG

Development of Temporal Cash Wakaf In The Cooperative Sector: A Syariah And Law Assessment

Mohd Zakhiri Md Nor^{1*}

Mohd Fazli Masri

Ani Munirah Mohamad

¹*Pensyarah Kanan/Felo Penyelidik, Legal and Justice Research Centre (LJRC), Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah.

² Timbalan Presiden Kanan/Ketua Pegawai Syariah, Co-opbank Pertama,

³ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah

*Corresponding author (Email: zakhiri@uum.edu.my)

Received: 6 July 2020, Processed: 27 August 2020, Diterbitkan: 30 September 2020

Abstrak: Wakaf tunai bertempoh merupakan satu konsep baru yang diketengahkan dalam sektor kewangan. Namun begitu, konsep ini masih belum digunakan dalam sektor koperasi dengan meluas. Objektif kertas kerja ini adalah untuk menganalisa kedudukan Syariah berkaitan wakaf tunai bertempoh. Kertas kerja ini juga menilai aspek perundangan yang berkaitan. Kertas ini mencadangkan model wakaf bertempoh yang boleh diadaptasikan dalam sektor koperasi. Metod kajian kertas kerja ini adalah kajian perpustakaan dan analisa kandungan. Kajian ini menyimpulkan tiada halangan syariah dan kerangka perundangan perlu diperkuuhkan bagi membangunkan wakaf tunai bertempoh dalam sektor koperasi.

Kata Kunci: Waqf Bertempoh, Shariah, Undang-Undang, Sektor Koperasi

Abstract: *Temporal cash waqf is a new concept introduced in the financial sector. However, this concept has not yet been widely adopted in the cooperative sector. The objective of this paper is to analyse the Shariah position of temporal cash waqf. This paper also reviews the relevant legal aspects. This paper proposes a temporal cash waqf model that can be adapted to the cooperative sector. The study methodology used in this paper is library based and content analysis. This study concludes that there are no Shariah barriers and that legal frameworks need to be strengthened to order to develop temporal cash waqf in the cooperative sector.*

Keywords: *Temporal Cash Waqf, Shariah, Legal, Cooperative Sector*

PENGENALAN

Wakaf secara falsafahnya adalah satu amalan sebagai mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Wakaf amatlah dituntut untuk dilaksanakan dimana kita memberikan harta yang kita sayang kepada ummah. Konsep pemilikan harta bagi seorang muslim pula adalah semua harta adalah milik Allah dan kita adalah pemegang amanah dalam menguruskan harta tersebut

Wakaf pada mulanya adalah bersifat kekal. Walaubagaimanapun, berlaku innovasi dimana wakaf boleh juga bertempoh. Namun begitu, *wakaf* dalam sektor koperasi masih belum meluas. Pengembangan wakaf dalam sektor koperasi boleh diperluaskan kerana kerangka dan sifat koperasi itu sendiri adalah atas dasar sifat bantu membantu. Wakaf boleh dibangunkan dalam pelbagai dimensi meliputi bidang sosial, ekonomi, perundangan dan lain-lain lagi. (Mohd Zakhiri, Sabina Hodzic, Ani Munirah Mohamad, 2018)

Amalan berwakaf di Malaysia telah lama wujud terutama di Negeri Pulau Pinang dan Kelantan. Di Pulau Pinang amalan berwakaf itu amat sinonim kerana pengaruh daripada *mubaligh* daripada India dan di Kelantan pengaruh Islam di Selatan Thailand. *Wakaf* adalah perkara dibawah bidangkuasa negeri negeri menurut Perlembagaan Persekutuan 1957.

Wakaf bersifat kekal dan bertempoh. Harta harta yang lazimnya bersifat kekal adalah tanah. Tanah ini boleh diwakafkan secara kekal atau bertempoh. *Wakaf* bertemboh memberikan *pewakaf* mengambil semula harta *wakaf* tersebut setelah tamat tempoh. Disamping itu, pada ulama dan cendikiawan juga mengupas berkaitan *wakaf* tunai dan wakaf perkhidmatan.

Wakaf dalam konteks yang biasa difahami adalah bersifat *muabbad* atau perpetual yang mana aset atau modal asal berasaskan *wakaf* hendaklah kekal dan boleh menjana manfaat bagi tujuan umum. Seksyen 2, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) yang mengiktiraf *wakaf* bertempoh atau mempunyai had masa dalam tafsiran *Wakaf Khas* sebagai:

“wakaf yang berkekalan atau bagi tempoh terhad bagi maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang berpendapatan (pendapatan) daripadanya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu”.

Sungguhpun model *zakat* telah biasa digunakan oleh pihak individu, organisasi dan institusi kewangan atau dilancarkan sebagai salah satu produk perbankan dan kewangan, namun ia adalah sesuatu perkara yang baharu dalam konteks sektor koperasi. Tiada kajian lampau yang khusus memfokuskan kepada kedudukan undang-undang *Shariah* dan undang-undang Malaysia berhubung pelaksanaan wakaf tunai bertempoh dalam konteks sektor operasi.

OBJEKTIF KERTAS KERJA

Objektif kertas kerja ini adalah untuk menganalisa kedudukan *Syariah* berkaitan *wakaf* tunai bertempoh. Kertas kerja ini juga menganalisa kedudukan undang-undang berkaitan *wakaf* tempoh. Kertas kerja juga mencadangkan model pembentukan *wakaf* tunai bertempoh dalam sektor koperasi.

METOD

Metod kajian kertas kerja ini adalah kajian perundangan dan kajian perpustakaan. Sumber data untuk kajian perundangan ialah peraturan dan undang-undang *Shariah*, undang-undang sedia ada di Malaysia, dan rujukan lain yang berkaitan dengan wakaf bertempoh. Manakala sumber data bagi kajian perpustakaan adalah buku-buku teks dan rujukan, artikel jurnal dan laporan berkaitan *wakaf* bertempoh.

ANALISA SYARIAH

Keharusan Wakaf Tunai (Khas)

Terdapat banyak riwayat yang menggalakkan amalan *wakaf* dalam *hadith* Rasulullah SAW (Muhd Ramadhan Fitri Elias, Ahmad Firdaus Kadir, Muhammad Nasir Haron, 2020). Salah satu contoh ialah tentang *wakaf* Saidina Umar di Khaibar. Dilaporkan oleh Nafi' (ra) dan Ibn Umar (ra) berkata: Saidina Umar telah diberikan sebidang tanah di Khaibar, beliau kemudian datang kepada Nabi saw dan berkata: "Saya telah diberikan dengan sebidang tanah (di Khaibar) yang merupakan kekayaan yang paling berharga bagi saya. Apakah arahan kamu untuk saya? "Nabi menjawab," Sekiranya kamu mahu, peliharalah asalnya, dan sedekahlah dengan manfaatnya. "Beliau (Saidina Umar) akan mendermakan (*wakaf*) tanah itu dengan syarat ia tidak boleh dijual, tidak boleh *hibah* kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi. Tanah itu akan digunakan oleh miskin, kaum kerabatnya, hamba-hamba, *fi sabilillah*, tetamu dan *musafir*.

Menurut Mazhab Syafie berpendapat keharusan *wakaf* tunai bergantung kepada *hukum* keharusan menyewakan *dinar* dan *dirham* (*ijarah al-nuqud*). Sebahagian *fuqaha* Mazhab Syafiie yang membenarkan penyewaan *dinar* dan *dirham* berpendapat bahawa ia juga dibenarkan untuk tujuan *wakaf*. Manakala, bagi sebahagian *fuqaha* Mazhab Syafie yang tidak membenarkan sewaan *dinar* dan *dirham* akan menganggap *wakaf dinar* dan *dirham* adalah tidak dibenarkan.

"Para *fuqaha* Mazhab Syafi'ie mempunyai perbezaan pendapat mengenai isu *dirham* dan *dinar* (dianggap sebagai *wakaf*). Mereka yang membolehkan sewaan *dinar* dan *dirham* membenarkannya untuk tujuan *wakaf* dan mereka yang tidak membenarkan sewaan *dinar* dan *dirham* berpandangan bahawa *dinar* dan *dirham* adalah tidak dibenarkan untuk *wakaf*".

(Muhd Ramadhan Fitri, Ahmad Firdaus Kadir, Muhamad Nasir Harun)

Pada mesyuaratnya yang ke-15, pada tahun 2004 dan bertermpat Muscat, Oman, Majlis Akademi *Fiqh* Islam Antarabangsa memutuskan:

- i. *Wakaf* wang tunai adalah dibenarkan dari sudut syarak kerana tujuan utama daripada *wakaf* untuk mengekalkan harta *wakaf* dan menyebarkan manfaatnya mampu dicapai dari wang tunai. Ini kerana wang merupakan harta yang tidak dapat dispesifikan dengan pengasingan (*ta'yeeen*). Oleh itu, sebarang gantian yang menyamai jumlah wang tunai itu adalah sama dengan jumlah wang tunai yang diwakafkan. (Muhd Ramadhan Fitri, Ahmad Firdaus Kadir, Muhamad Nasir Harun)

- ii. Harus menggunakan *wakaf* tunai itu untuk tujuan pemberian *qardh hassan* dan tujuan pelaburan. Pelaburan itu boleh dilakukan samada secara langsung atau dengan perkongsian bersama *pewakaf* yang lain ataupun dengan menerbitkan saham khas demi menggalakkan usaha *wakaf* dan penyertaan kolektif terhadapnya. (Muhd Ramadhan Fitri, Ahmad Firdaus Kadir, Muhamad Nasir Harun)

AAOIFI (Accounting & Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions) dalam Piawaian Syariah yang ke-33 bernombor 3/4/4/2 menyatakan:

“Wakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibenarkan dan pemanfaatannya perlu dilakukan dengan cara yang tidak akan menyebabkan wang itu habis dan berkurangan. Antara cara pengendalian yang dibenarkan adalah melalui pemberian pinjaman (qardh) yang patuh syariah dari tunai tersebut atau menyalurkan wang itu kepada pelaburan yang selamat dan patuh syariah seperti kontrak Mudharabah dan kemudian keuntungannya akan dibahagikan kepada pemanfaat wakaf.”

(AAOIFI, Shariah Standard-33)

Keharusan *wakaf* tunai untuk tujuan perlaburan seperti jawapan Imam Az-Zuhri apabila ditanya tentang persoalan seseorang yang menyerahkan 1000 *dinar* kepada seorang pemuda agar dengan tujuan dilaburkan dalam perniagaan dan keuntungannya akan dijadikan sedekah buat orang miskin dan kaum kerabatnya; adakah dengan ini dia boleh memanfaatkan sedikit dari keuntungan 1000 *dinar* itu dan tidak menyalurkan keuntungan itu kepada golongan miskin?

Imam Zuhri menjawab: Beliau tidak boleh memakan harta tersebut” Imam Muhammad bin Abdullah Al-Ansari daripada Mazhab Hanafi juga mengharuskan pelaburan *wakaf* tunai *Wakaf* tunai boleh dilaburkan secara *mudharabah* dan keuntungan dari *wakaf* tunai itu kemudiannya boleh disedekahkan” (Muhd Ramadhan Fitri, Ahmad Firdaus Kadir, Muhamad Nasir Harun)

Keharusan *Wakaf Muaqqat* (*Wakaf Bertempoh*)

Pandangan keharusan *wakaf muaqqat* ada dinyatakan oleh Imam Ad-Dusuki di dalam *Hasyiah*: Jika pemilikan terhasil dari sewaan (*milkul manfaah*) seperti rumah yang disewa bagi tempoh tertentu, maka dibenarkan bagi manfaat harta itu untuk diwakafkan sepanjang tempoh tersebut. *Wakaf* itu tamat setelah tamat tempoh sewaan. Keharusan ini kerana sifat kekal tidak menjadi syarat sah bagi harta *wakaf* seperti apa yang akan diterangkan selanjutnya

Resolusi Majma’ al-Fiqh al-Islami membernarkan *wakaf* yang berbentuk sementara (*muaqqat*). Dalam hal ini, Majma’ Fiqh telah mengambil pendapat Mazhab Maliki dan pandangan Abu Yusuf daripada mazhab Hanafi. Pandangan ini merupakan suatu lonjakan yang berupaya memberikan impak yang besar kepada perkembangan *wakaf* sebagai sebuah institusi ekonomi masa kini.

Badan Penasihat Syariah AAOIFI juga mengambil pendirian yang sama. Piawaian Syariah no 33, berkenaan dengan *wakaf* menyebut dengan jelas tentang keharusan *wakaf* ke atas instrumen-instrumen kewangan yang bersifat bertempoh sebagaimana pandangan Majma’Fiqh, AAOIFI yang mengiktiraf *wakaf* bertempoh.

Pada asalnya, majoriti *fuqaha* telah bersepakat bahawa semua *wakaf* hendaklah bersifat kekal dan *wakaf* yang mempunyai had masa yang tertentu adalah tidak sah. Berlainan dengan *mazhab* Maliki yang mengharuskan *wakaf* bertempoh atau bersifat sementara. Al-Dusuqi dalam *mazhab* Maliki telah mendefinisikan konsep kekekalan *wakaf* sebagai “selagi mana dan selama mana harta itu wujud”.(Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan,2015)

Kekekalan harta *wakaf* tidak wajar diukur dengan melihat jangka hayat aset sebaliknya, selagi mana manfaat tersebut dapat dinikmati oleh benefisiari, maka *wakaf* tersebut adalah

menepati syarat kekal. Lantaran itu, Monzer Kahf melontar pendapat fiqh kontemporari, *wakaf* bertempoh atau mempunyai jangka masa yang tertentu wajar dipertimbangkan pelaksanaannya dalam dunia moden pada hari ini (Shahnaz Sulaiman, Aznan Hasan, 2017)

Namun begitu *fatwa*, berhubung dengan keharusan *wakaf* bertempoh ini masih belum lagi diadaptasikan oleh mana-mana negeri di Malaysia selain daripada Wilayah Persekutuan.


ANALISA PERUNDANGAN

Wakaf dalam konteks yang biasa difahami adalah bersifat *muabbad* atau perpetual yang mana aset atau modal asal berasaskan *wakaf* hendaklah kekal dan boleh menjana manfaat bagi tujuan umum. Antara isu isu perudangan berkaitan wakaf antara lainnya adalah ketidakcukupan dan ketidakcekapan dalam pentadbiran dan pendaftaran enakmen wakaf negeri negeri di Malaysia (Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) yang mengiktiraf *wakaf* bertempoh atau mempunyai had masa dalam tafsiran *Wakaf Khas* sebagai “*wakaf* yang berkekalan atau bagi tempoh terhad bagi maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh *Hukum Syarak* dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang berpendapatan (pendapatan) daripadanya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam *wakaf* itu”. (Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993). Akta ini memperuntukan bahawa *wakaf* bertempoh boleh dilaksanaan di Wilayah Persekutuan (Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan, Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad, 2016).

Selain itu, Seksyen 18, Enakmen Wakaf Terengganu 2016 memberikan penafsiran maksud wakaf muaqqat. Seksyen 18 (1) (c) Wakaf Muqqat ertiinya suatu penyerahan wakaf bagi satu tempoh tertentu. Namun begitu perlaksanaan wakaf perkhidmatan perlu perincian dari sudut undang-undang (Burhanuddin Lukman, 2019). Sektor koperasi adalah dibawah kawal selia Suruhanjaya Koperasi menurut Akta Koperasi 1993. Institusi koperasi boleh kerja dengan Pusat Wakaf MAIWP membangunkan aktiviti pembiayaan bercagaran yang berasaskan *wakaf* yang boleh memberikan manfaat dua hala iaitu kos pendanaan murah kepada anggota dan pelanggan koperasi dan sumbangan *wakaf* lestari kepada Pusat Wakaf MAIWP yang dijana daripada aset kewangan. Sungguhpun Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah- Wilayah Persekutuan) 1993 membenarkan wakaf bertempoh, adalah menjadi keperluan kajian mendalam dilakukan ke atas risiko risiko perundangan ke atas perlaksanaan *wakaf* tunai bertempoh dalam sektor koperasi termasuklah Perlembagaan Persekutuan 1957, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Koperasi 1993, Akta Syarikat 2016 dan undang-undang lain yang berkaitan.

Antara risiko perundangan yang boleh timbul dalam konteks *wakaf* bertempoh adalah setelah tamat tempoh *wakaf*, *pewakaf* atau waris *pewakaf* masih boleh menuntut harta *wakaf* bertempoh seperti yang berlaku dalam tuntutan harta *wakaf* Shaik Eusoff Shaikh Latiff di Pulau Pinang.(Berita Harian, 2020). Dalam konteks, cash *wakaf* bertempoh dalam bentuk akaun simpanan koperasi, apabila koperasi berada dalam keadaan insolven, apakah kedudukan akaun tersebut dan hak *pewakaf*. Hal ini perlu kajian lanjut dan risiko risiko perundangan yang berkaitan termasuklah samaada warta *wakaf* boleh dicagar mahupun tidak.

CADANGAN MODEL WAKAF TUNAI BERTEMPOH DALAM SEKTOR KOPERASI



Gambar Rajah Modus Operandi Akaun Perlburan Wakaf-i, Koperasi (Hak Cipta Penulis, 2020)

Modus operandi Akaun Perlburan Wakaf-i Koperasi adalah seperti berikut:

- [1] Sektor koperasi boleh mengeksplorasi untuk membangunkan *akaun pelaburan wakaf-i* yang mana portfolio pelaburan adalah aset kewangan baharu dalam pembiayaan bercagaran yang akan dikenalpasti.
- [2] *Wakaf tunai (khas)* yang disuntik oleh pewakaf akan ditukarkan kepada unit-unit pelaburan dalam aset kewangan koperasi yang khas (bercagar) dan dilaburkan dalam *interbank money market* (IMM) dan akan menjana pulangan dan sebahagian pulangan akan dimasukan kedalam tabung reserve.

[3] Pulangan pada kadar jangkaan yang dijana oleh aset kewangan khas ini akan disumbangkan sebagai wakaf *perpetual* kepada Pusat Wakaf MAIWP manakala modal pelaburan pokok sebagai wakaf *muaqqat* (wakaf bertempoh) akan dipulangkan kepada pewakaf pada tempoh matang. Walaubagaimanapun, sebarang *upliftment* / pengeluaran atau pembatalan modal pelaburan semasa tempoh pelaburan adalah tidak dibenarkan. Tiada pulangan pelaburan diberikan melainkan pahala wakaf.

SUMBANGAN WAKAF MUAQQAT

Hukum menerima harta wakaf daripada semua anggota koperasi dan bukan anggota koperasi termasuk bukan Muslim adalah adalah sah walaupun perbuatan tersebut bukan berniat mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Allah SWT. Maka instrumen wakaf perlu dijadikan agenda bersama yang turut sama membabitkan sumbangan anggota bumiputera bukan Islam.

KESIMPULAN

Berdasarkan segala perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan wakaf, dapatlah disimpulkan bahawa wakaf tunai (khas) bertempoh atau wakaf *muaqqat* adalah dibenarkan dari segi Syariah dan tiada kekangan undang-undang khusnya di Wilayah Persekutuan. Konsep wakaf *muaqqat* atau wakaf tunai khas bertempoh sesuai dalam model koperasi kerana tidak dikawal selia secara langsung oleh Bank Negara Malaysia dan atas koperasi itu sendiri atas konsep bantú membantu. Wakaf tunai bertempoh berpotensi menjadi mekanisme pendanaan berdaya saing sebagai faktor penggalak pemilikan harta tanah oleh umat dan bumiputera dengan pembiayaan bercagar pada kadar yang sangat kompetitif.

PENGHARGAAN

Kertas kerja seminar ini termasuk daripada sebahagian kajian bertajuk “*Formulating an Effective Waqf Model for the Development and Commercialisation of Waqf Property*” Geran FRGS Kod S/O 14211. Penulis juga merakamkan terima kasih Kepada Encik Mohd Fazli Masri, Timbalan Presiden/ Ketua Syariah, Coopbank Pertama yang memberi input dalam kertas kerja ini.

REFERENCES

- AAOIFI,*Ma’ayir Syar’iyyah AAOIFI*, Standard No.33.
- Berita Harian, Perbicaraan Tuntutan Harta Wartawan 9 Januari, 21 Disember 2018, lihat <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/12/511693/perbicaraan-tuntutan-tanah-wakaf-hartawan-9-januari> 26 April 2020
- Buhanuddin Lukman (2019), Wakaf Perkhidmatan Isu dan Potensi, Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam, *15th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum*, 11 April 2019, Kuala Lumpur
- Magda Abdelmohsin (2009). *Cash Waqf: A New Financial Product*, Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Muhd Ramadhan Fitri, Ahmad Firdaus Kadir, Muhamad Nasir Harun (2020) Parameter Syariah Untuk Wakaf Tunai Lihat https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/islamic-my/document/my/en/islamic/scoe/knowledge-centre/research-paper/Paramater_Syariah_Wakaf_Tunai.pdf retrieved 24 April 2020

Mohd Zakhiri, Sabina Hodzic, Ani Munirah (2018), *Roles of The Islamic Voluntary Sector in Malaysia and Croatia, Roles of Islamic Voluntary Sector in Malaysia and Croatia*, The European Proceedings of Social and Behavioral Sciences, Future Academy.

Roshidah Osman, Noor Asyimah Ramli, Mohd Zakhiri Md Nor (2018), Wakaf Land Administration and Registration: Legal Analysis, *Journal of Social Science Research*, Academy Research Publishing Group.

Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan (2015), Wakaf Unit Amanah: Menintis Inovasi Aset Wakaf Kontemporari , *Muzakarah Ahli Penasihat Syariah Kewangan Islam di Malaysia Kali ke-11*, Sasana Kijang,Bank Negara Malaysia.Lihat http://e-muamalat.islam.gov.my/images/pdf-bahan-ilmiah/wakaf_unit_amanah_-_mps_11.pdf

Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan (2017), Dinanisme Wakaf Unit Amanah Menurut Perspektif Syarak, *Jurnal Syariah*, Jil 25, Bil 2, 157-186, Universiti Malaya

Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan, Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad (2016), Pembangunan dan Pelaburan Lestari Harta Wakaf Dari Perspektif Islam,*KANUN*, Dewan Bahasa dan Pustaka

Akta

Perlembagaan Persekutuan 1957

Kanun Tanah Negara 1965,

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013,

Akta Koperasi 1993

Akta Syarikat 2016

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993